


Dialog FTA diteruskan

BH - 21/3/2007

Malaysia tidak dikongkong mandat diberi kepada Amerika



Laporan Abdul Halim Yusoff dan Zainab Mohd Yatim

KUALA LUMPUR: Rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA), antara Malaysia dengan Amerika Syarikat (AS) akan diteruskan, walaupun negara itu diberi mandat hanya hingga 30 Jun ini untuk menyelesaikannya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata beliau mendapat pengesahan daripada Amerika bahawa rundingan FTA itu boleh diteruskan.

"Amerika mengesahkan rundingan boleh diteruskan, walaupun mandat TPA (Pihak Berkuasa Pengalakan Perdagangan) yang ada pada mereka sekarang akan tamat 30 Jun ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Kamarudin Jaafar (Pas-Tumpat) di persidangan Dewan Rakyat, semalam.

TPA adalah kuasa yang diberikan kepada pihak pentadbiran Amerika Syarikat untuk berunding secara la-luan cepat, sebelum memeterai sebarang perjanjian rundingan seperti FTA atau Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dengan negara lain.

Rafidah juga memberi jaminan Malaysia sentiasa membuat keputusan berdasarkan kepentingan negara dan tidak langsung dikongkong oleh tempoh masa yang ditetapkan oleh TPA berkenaan.

Memandangkan kuasa TPA sedia ada pada pentadbiran Amerika Syarikat akan tamat, pentadbiran negara itu perlu mendapatkan mandat baru menerusi TPA yang baru yang perlu diluluskan oleh Kongres negara berkenaan.

Menjelaskan kepentingan FTA dengan Amerika Syarikat, beliau berkata, tanpa perjanjian itu Malaysia akan kehilangan peluang untuk meningkatkan eksport ke negara kuasa besar terbabit.

"Kita akan kehilangan lebih banyak peluang pelaburan dengan Amerika Syarikat dan negara ketiga yang ingin menjadikan Malaysia sebagai pusat pengeluaran dan eksport mereka untuk memasuki pasaran ne-

FAKTA

Kementerian terbabit dalam rundingan FTA

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
- Kementerian Kewangan
- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani
- Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
- Kementerian Sumber Manusia
- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
- Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi
- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
- Kementerian Kesihatan

gara berkenaan," katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia mengemukakan senarai 600 produk yang mahu dirundingkan bagi memasuki pasaran Amerika Syarikat, dengan diberi layanan istimewa seperti tanpa tarif atau cukai import.

Kategori produk dikemukakan negara ini termasuk tekstil dan pakaian; kimia dan barangan kimia; barangan getah; barangan perkayuan; seramik; besi dan keluli; serta elektronik.

Dalam sektor perkhidmatan, Malaysia mengemukakan senarai pembukaan pasaran di Amerika Syarikat bagi sektor perakaunan; pengajian tinggi; dan pelancongan.

Proses rundingan FTA dengan Amerika Syarikat itu membabitkan 10 kementerian dan agensi yang bertanggungjawab untuk merundingkan sendiri semua isu di bawah bidang kuasa masing-masing.

Rundingan itu dijalankan dalam 19 kumpulan dan setakat ini lima pusingan sudah berlangsung.

"Setakat ini rundingan sampai ke peringkat teknikal, dan laporan yang diberi oleh kementerian dan agensi menunjukkan ada tuntutan Amerika Syarikat yang memang boleh diberi pertimbangan," katanya.